



**INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA  
PATENT REGISTRATION OFFICE  
PRACTICE NOTICE 1/2022**

**THIS PRACTICE NOTICE** is issued in the exercise of power conferred upon the Registrar of Patents by section 87A of the Patents Act 1983. This practice notice sets out the manner for the filing of any application or request as specified under the Act and the Regulations to the Patent Registration Office.

Pursuant to the coming into operation of the Patents (Amendment) Act 2022, Patents (Amendment) Regulations (2022) and Directive of Patents Act 1983 and Patents Regulations 1986, the manner for the filing of any application or request with the Patent Registration Office beginning from 18 March 2022 are as follows:

1. All applications or requests shall be filed manually at the counter or sending by post to the Patent Registration Office except for the filing of a declaration to withdraw a patent application, a request for Patent Prosecution Highway (PPH) and a request for ASEAN Patent Examination Co-Operation (ASPEC), may be filed via IP Online system.
2. We accept softcopy of the application or request filed manually. The softcopy of the application or request shall be stored in a virus-free physical computer storage device such as compact disc read-only memory, digital versatile disc read-only memory, USB flash drive and external hard drive. The physical computer storage device shall be placed in an envelope and such device is not returnable.
3. Patent counter will be closed at 3.30 pm every working day and any application or request submitted after 3.30 pm shall be deemed to be submitted to the Patent Registration Office on the next working day.

4. Handling fee will not be imposed for the manual filing of any application or request mentioned in paragraph 1 above.

This practice notice shall be effective from 18 March 2022 until further notice by the Registrar.

Should you have any enquiries, kindly email to [infoptform@myipo.gov.my](mailto:infoptform@myipo.gov.my)

**Registrar of Patents**  
**Patent Registration Office**  
**Issued and Published on: 17 March 2022**



**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA  
PEJABAT PENDAFTARAN PATEN  
NOTIS AMALAN 1/2022**

**NOTIS AMALAN INI** dikeluarkan bagi menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Paten oleh seksyen 87A Akta Paten 1983. Notis amalan ini menetapkan cara bagi memfailkan apa-apa permohonan atau permintaan kepada Paten Pejabat Pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan.

Selaras dengan kuatkuasa Akta Paten (Pindaan) 2022, Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2022 dan Arahan Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986, bermula pada 18 Mac 2022, cara bagi pemfailan permohonan atau permintaan dengan Pejabat Pendaftaran Paten adalah seperti yang berikut:

1. Semua permohonan atau permintaan hendaklah difailkan secara manual di kaunter atau dihantar melalui pos ke Pejabat Pendaftaran Paten kecuali bagi pemfailan akuan untuk menarik balik permohonan paten, permintaan bagi *Patent Prosecution Highway* (PPH) dan permintaan bagi *ASEAN Patent Examination Co-Operation* (ASPEC) boleh difailkan melalui sistem IP Online.
2. *Softcopy* permohonan atau permintaan yang difailkan secara manual adalah diterima. *Softcopy* permohonan atau permintaan itu hendaklah disimpan dalam alat simpanan komputer fizikal seperti *compact disc read-only memory*, *digital versatile disc read-only memory*, *USB flash drive* dan *external hard drive* yang bebas daripada sebarang virus. Alat simpanan komputer fizikal hendaklah diletakkan di dalam sampul surat dan alat ini tidak akan dikembalikan.
3. Kaunter Paten akan ditutup pada jam 3.30 petang setiap hari bekerja dan sebarang permohonan atau permintaan yang dikemukakan selepas jam 3.30 petang akan dianggap dikemukakan kepada Pejabat Pendaftaran Paten pada hari bekerja berikutnya.

4. Fi pengendalian tidak akan dikenakan bagi pemfailan manual apa-apa permohonan atau permintaan yang dinyatakan dalam perenggan 1 di atas.

Notis Amalan ini akan berkuatkuasa dari 18 Mac 2022 sehingga notis selanjutnya dikeluarkan oleh Pendaftar.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel kepada [infoptform@myipo.gov.my](mailto:infoptform@myipo.gov.my)

**Pendaftar Paten**  
**Pejabat Pendaftaran Paten**  
**Dikeluarkan dan Disiarkan pada: 17 Mac 2022**